

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING  
(PENAMPANG)**

**TARIKH : 24 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK IGNATIUS DARELL LEIKING [ PENAMPANG ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Program Back for Good yang dilaksanakan di Malaya untuk Pendatang Asing Tanpa Izin kembali ke negara asal secara sukarela boleh dilaksanakan di Sabah dengan arahan Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia, Sabah yang diperuntukkan dalam Seksyen 64 Akta Imigresen 1959/63.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat, kuasa untuk menguatkuasakan undang-undang keimigresenan di Sabah diterangkan dengan jelas di bawah Seksyen 64, Akta Imigresen 1959/63 iaitu tertakluk kepada pertimbangan dan persetujuan Kerajaan Negeri Sabah. Untuk itu, sebarang cadangan peluasan Program Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) Pulang Ke Negara Asal (Program *Back for Good*) yang telah dilaksanakan di Semenanjung Malaysia pada 1 Ogos 2019 hingga 31 Disember 2019 ke Negeri Sabah perlu dibincangkan dan dipertimbangkan secara bersama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah. Ini boleh dilaksanakan melalui platform sedia ada seperti perbincangan di dalam Jawatankuasa Pengurusan Warga Asing di Sabah (JKPWAS).

Komposisi JKPWAS yang merangkumi JKPWAS Induk yang dipengerusikan secara bersama oleh YB Menteri Dalam Negeri dengan YAB Ketua Menteri Sabah serta JKPWAS Teknikal yang dipengerusikan oleh YB Timbalan Menteri Dalam Negeri adalah merupakan platform terbaik bagi mencari penyelesaian berkenaan pengurusan pendatang dan orang asing di Sabah. Ini adalah kerana keahlian kedua-dua Jawatankuasa tersebut yang merangkumi penglibatan Jabatan/Agensi/Bahagian peringkat Persekutuan dan Negeri seperti Jabatan Ketua Menteri (JKM) Sabah, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Majlis Keselamatan Negara (MKN) serta beberapa Jabatan/Agensi yang lain.

Dengan mengambil kira pembentukan Kerajaan Negeri Sabah yang baharu serta kepentingan keselamatan negara dan negeri Sabah khususnya, cadangan ini akan perhalusi dan dibincangkan tertakluk kepada hala tuju dan persetujuan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah yang baharu. Ini bagi memastikan setiap usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan dapat diterima dan difahami oleh semua pihak yang berkepentingan serta mengelakkan daripada isu pendatang dan warga asing terus membelenggu pembangunan ekonomi dan sosial di negeri Sabah.